

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK
(SEREMBAN)**

TARIKH : 9 MAC 2022 (RABU)

SOALAN NO. 2

TUAN LOKE SIEW FOOK (SEREMBAN) Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah sistem “e-testing” dapat dilaksanakan sepenuhnya untuk semua proses ujian lesen memandu oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan syarikat pembekal teknologi mana yang telah dipilih untuk melaksanakan sistem tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Projek *e-Testing* bagi memastikan pelaksanaan sistem *e-Testing* yang bakal digunakan adalah menepati dan mematuhi peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa kelak.
2. Pada masa ini, pihak JPJ sedang melaksanakan proses pembuktian konsep (*Proof of Concept* (POC)) ke atas sistem berkenaan. Sebanyak empat (4) buah syarikat telah memohon dan diberikan kelulusan untuk menjalankan aktiviti POC terbabit.
3. Pada ketika ini, Jawatankuasa Teknikal sedang dalam proses penilaian ke atas sistem yang dibangunkan oleh syarikat-syarikat tersebut. Laporan penilaian POC tersebut dijangka akan dapat dibentangkan ke Kementerian Pengangkutan pada akhir bulan Mac 2022.
4. Mana-mana syarikat yang berjaya dalam fasa penilaian POC akan ditawarkan untuk melaksanakan projek rintis (*Pilot Project*) bagi tempoh tertentu sebelum sistem ini mula diperkenalkan secara berperingkat di Institut Memandu di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.